



## KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)



JPA(S)226/6/4 Jld. 6 (23)

12 September 2017

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

**Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri**

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan**

YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

### **PENJELASAN PELAKSANAAN KEMAJUAN KERJAYA LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT - SME) DI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI, PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, dasar dan kaedah pelaksanaan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan telah dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 bertarikh 23 Disember 2016.

3. Bagi memastikan pelaksanaan yang teratur oleh **Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang bersetuju menerima pakai dasar ini**, tindakan berikut hendaklah diambil:

- i) Mematuhi tatacara seperti carta alir di **Lampiran A**;
- ii) Mengemukakan kertas cadangan penentuan bidang kepakaran seperti di **Lampiran B**; dan

- iii) Mematuhi tatacara kenaikan pangkat secara KUP selaras dengan surat edaran bilangan JPA(S)NP 134/8/1 Jld. 23 (13) bertarikh 18 Oktober 2010 seperti dilampirkan.
4. Pihak YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan hendaklah memberi perhatian mengenai perkara ini dan memastikan dasar SME ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.


Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

**CARTA ALIR PELAKSANAAN SME DI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI,  
PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**



- 1) Carta alir bagi **kemasukan, kenaikan pangkat** dan **peningkatan** adalah berdasarkan Lampiran B2, PP 7 Tahun 2016.
- 2) Bagi tujuan pemantauan pelaksanaan dan pengemaskinian rekod pegawai SME dari semasa ke semasa, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan **satu (1) salinan** dokumen berikut ke Bahagian Perkhidmatan JPA:-
  - a) kriteria kepakaran;
  - b) kamus kompetensi;
  - c) *SME Special Assignment (SSA)* pegawai SME setiap tahun; dan
  - d) apa-apa keputusan LKP agensi yang bersangkutan dengan pegawai dan laluan SME.

Lampiran B

No. Fail Rujukan agensi: SME/XXX

**KEMAJUAN KERJAYA  
LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS  
(SUBJECT MATTER EXPERT – SME)  
PP 7/ 2016**

**KERTAS CADANGAN  
BIDANG KEPAKARAN**

**AGENSI \_\_\_\_\_**



## **KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

### **(1) TUJUAN**

### **(2) LATAR BELAKANG**

- a) Visi, Misi dan Objektif Kementerian dan Agensi
- b) Keperluan Kepakaran
- c) Bilangan Perjawatan Sedia Ada dan Pengisian

### **(3) PERMOHONAN AGENSI**

- a) Cadangan Bidang Kepakaran
- b) Asas Permohonan Setiap Bidang Kepakaran
- c) Unjuran Bidang Kepakaran 5 Tahun
- d) Anggaran Implikasi Kewangan

### **(4) PENUTUP**

## KERTAS CADANGAN BIDANG KEPAKARAN DI (nama agensi)

### 1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berhubung cadangan untuk melaksanakan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016, Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam** di (masukkan nama agensi : \_\_\_\_\_)

### 2. LATAR BELAKANG

#### a) Visi, Misi dan Objektif Kementerian/ Jabatan/ Agensi

- i)
- ii)
- iii)

#### b) Keperluan Kepakaran

(Nyatakan keperluan agensi secara umum)

#### c) Bilangan Perjawatan Sedia Ada dan Pengisian

(Lampirkan carta organisasi dan kedudukan perjawatan dan pengisian agensi yang terkini)

### 3. PERMOHONAN AGENSI

#### a) Cadangan Bidang Kepakaran

- i) Senaraikan bidang kepakaran yang diperlukan (jangka masa panjang/ sederhana)

- - ii) Nyatakan sama ada terdapat kajian-kajian berhubung bidang kepakaran/ tahun.
  - iii) Nyatakan cadangan kedudukan perjawatan SME di agensi.
  - iv) Nyatakan sama ada bidang kepakaran merupakan **gabungan** beberapa sub bidang **atau hanya satu (1) sub bidang sahaja**.

**b) Asas Permohonan Setiap Bidang Kepakaran**

**i) Bidang A**

(Nyatakan asas permohonan **SETIAP** bidang kepakaran yang dicadangkan secara **spesifik**) berdasarkan contoh seperti berikut :-

- hala tuju bidang (Contoh: RMK11, Keputusan Kabinet dan lain-lain (sertakan lampiran);
- kompleksiti tugas;
- tempoh masa panjang untuk mendapat kepakaran ;
- kebergantungan pakar luar;
- peluang & ancaman ;
- data/ statistik yang menyokong keperluan SME;
- laporan kerugian (sertakan data-data yang bersesuaian);
- jangkaan pengurangan tanggungan kerajaan;
- nilai (ROI) dan manfaat yang bakal diterima kerajaan; atau
- lain-lain data/ maklumat yang bersesuaian.

**ii) Bidang B**

**iii) Bidang C**

○

**c) Unjuran Bidang Kepakaran 5 Tahun (Lampiran A2, PP 7 2016)**

Lampirkan unjuran keperluan bagi tahun semasa/ kadar atrisi 5 tahun ke hadapan

- i) Bidang A
- ii) Bidang B
- iii) Bidang C

**d) Anggaran Implikasi Kewangan**

Anggaran Implikasi kewangan ke atas permohonan berdasarkan gred bagi tempoh 3 tahun dengan mengambil kira peningkatan gred setiap 3 tahun di laluan SME

- i) Bidang A
- ii) Bidang B
- iii) Keseluruhan

**4. PENUTUP**

**PERAKUAN PENGERUSI JAWATANKUASA INDUK SEARCH  
COMMITTEE PELAKSANAAN KEMAJUAN KERJAYA LALUAN PAKAR  
BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT – SME) DI**

---

---

Saya dengan ini memperaku cadangan bidang kepakaran bagi pelaksanaan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) bagi **Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan (potong mana yang tidak berkenaan) di (nama agensi)** untuk pertimbangan dan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

*Ulasan tambahan (jika ada):*

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

(tandatangan)

.....  
(.....NAMA.....)

**PENGERUSI JKI**

Tarikh:



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Pemenang  
Anugerah Perdana  
Teknologi  
Maklumat 2006

Ruj. Kami : JPA(S)NP 134/8/1 Jld.23 ( 13 )  
Tarikh : 18 Oktober 2010

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)  
DI BADAN BERKUASA BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa melalui semakan Jabatan ini, terdapat agensi kerajaan yang tidak merujuk kepada Jabatan ini dalam melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) kepada pegawai di bawah agensi masing-masing. Selain daripada urusan kenaikan pangkat secara KUP yang diputuskan kerajaan kepada Kumpulan Sokongan yang berkhidmat melebihi 15 tahun, semua cadangan kenaikan pangkat secara KUP hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan ini terlebih dahulu. Walaupun agensi kerajaan berkenaan berstatus 'self-financing' dan mempunyai Pihak Berkuasa Kenaikan Pangkat sendiri, namun cadangan keputusan mengenai KUP sebenarnya melibatkan perubahan pada gred jawatan berkenaan. Di samping itu, urusan kenaikan pangkat secara KUP akan memberi kesan kepada struktur organisasi sedia ada dan memberi implikasi dari aspek perkhidmatan dan kewangan termasuk pembayaran pencen pegawai yang kemudiannya akan ditanggung oleh kerajaan.

3. Jabatan ini juga ingin menarik perhatian bahawa kenaikan pangkat secara KUP hanya dipertimbangkan bagi kes-kes tertentu dan ia dilaksanakan dengan amat teliti setelah mengambil kira prestasi pegawai, sumbangan pegawai serta

kepentingan perkhidmatan. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan untuk menaikkan taraf atau gred sesuatu jawatan berikutnya pertambahan skop atau fungsi, ia hendaklah dilaksanakan melalui kajian dan semakan semula struktur organisasi berkenaan.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(DATO' SRI ABUBAKAR BIN HAJI ABDULLAH)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
MALAYSIA

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri